

Minum petang amal KanWork

BERGERAK sebagai sebuah pertubuhan bukan berasaskan keuntungan, Persatuan Kanser Network Selangor dan Wilayah Persekutuan (KanWork), tidak jemu-jemu menganjurkan pelbagai aktiviti bertujuan mengumpul dana.

Ini bagi memastikan, segala program kesedaran yang dirancang pertubuhan itu untuk kepentingan orang ramai berjaya dilaksanakan.

Terbaharu, KanWork dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Persatuan Alumni UPM bakal menganjurkan majlis minum petang amal atau *KanWork Charity Hi-Tea*

Majlis yang dijadual berlangsung pada 26 Ogos ini di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKKSSAAS), UPM, sudah pastinya memerlukan sokongan pelbagai pihak yang prihatin.

Majlis bertujuan menambah dana persatuan bagi membantu melaksanakan program kepada pesakit kanser dan mereka yang memerlukan.

KanWork merupakan sebuah kumpulan sokongan (NGO), yang ahli-ahlinya terdiri daripada pesakit dan bekas pesakit kanser, ahli keluarga dan sukarelawan.

Matlamat utama

penubuhannya adalah untuk menyampaikan maklumat dan memberi pendidikan mengenai kanser kepada komuniti terutama kepada pesakit, bekas pesakit kanser, dan keluarga.

Selain itu, pertubuhan itu turut membawa misi memberi sokongan, mewujudkan kesedaran mengenai kanser supaya dapat dikesan pada peringkat awal dan pada masa sama menggalakkan cara hidup sihat bagi mengurangkan risiko penyakit tersebut.

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh menghubungi Nor Aida Maskor (019-3767353) atau email aidamaskor@gmail.com.